

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
MAJLIS MAKAN MALAM ICEI2010  
Y. BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
(10 MINIT)**

BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN  
SALAM 1MALAYSIA.

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.B. DATUK HJ. YAAKUB BIN MD. AMIN,

PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN, SAINS &  
TEKNOLOGI DAN SUMBER MANUSIA,

Y. BHG. DATO' PROF. DR MOHD NOR BIN HUSAIN,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y. BHG. PROF. DR MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Y. BHG. ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN, PENERUS  
JAWATANKUASA PELAKSANA ICEI 2010

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

PEMBENTANG UCAPTAMA,

PEMBENTANG KERTAS KERJA

PARA PESERTA PERSIDANGAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH  
KURNIA DAN KEIZINAN-NYA MAKA DAPAT KITA BERHIMPUN PADA  
MALAM INI SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN  
PARA PESERTA PERSIDANGAN “THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL  
CONFERENCE ON ENGINEERING AND ICT (ICEI 2010)”.

1. PERTAMANYA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG  
DAN SALAM PERKENALAN KEPADA SEMUA PESERTA  
PERSIDANGAN KE MELAKA KHUSUSNYA DAN MALAYSIA  
AMNYA. KITA SEDIA MAKLUM, PERSIDANGAN ICEI 2010  
MERUPAKAN PERSIDANGAN KALI KEDUA ANJURAN UTeM DAN

MENJADI ACARA RASMI UNIVERSITI BAGI SETIAP DUA TAHUN YANG DIHADIRI OLEH PESERTA-PESERTA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA.

HADIRIN HADIRAT YANG SAYA MULIAKAN,

2. DALAM MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI, PERSIDANGAN INI ADALAH BERTUJUAN MEMBERI RUANG DAN PELUANG KEPADA PARA PENYELIDIK DARI SELURUH DUNIA UNTUK MELAPOR HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN DAN PENEMUAN SAINTIFIK DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN ICT. IA JUGA MERUPAKAN PLATFOM SERTA LANDASAN KEPADA SEMUA AHLI AKADEMIK DAN PENYELIDIK UNTUK BERKONGSI SERTA BERTUKAR-TUKAR IDEA DALAM BIDANG MASING-MASING DI PERINGKAT ANTARABANGSA. DALAM PADA MASA YANG SAMA, PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DALAM PERSIDANGAN INI JUGA SECARA LANGSUNG DAPAT MEMPROMOSIKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE PERINGKAT ANTARABANGSA.

3. UNIVERSITI-UNIVERSITI DI SELURUH DUNIA MEMAINKAN PERANAN YANG UTAMA DALAM MENGGERAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SERTA PENGKORMESILAN. KEPAKARAN DALAM PELBAGAI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI YANG DIMILIKI OLEH AHLI-AHLI AKADEMIK MERUPAKAN ASET YANG AMAT BERNILAI KEPADA PENEROKAAN IDEA-IDEA DAN CIPTAAN BARU DAN TERKINI. HUBUNGAN DAN KERJASAMA RAPAT ANTARA AHLI AKADEMIK DARI PELBAGAI UNIVERSITI DAPAT MENCETUSKAN IDEA DAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI YANG PRAKTIKAL DAN EFEKTIF. TIDAK LUPA JUGA KERJASAMA DENGAN SEKTOR INDUSTRI ADALAH AMAT PENTING BAGI SETIAP UNIVERSITI SUPAYA LEBIH RESPONSIF DENGAN KEPERLUAN DAN PERMINTAAN SEMASA.

HADIRIN HADIRAT YANG DIKASIHI,

4. TREND PEMBANGUNAN GLOBAL MASA KINI SERTA HADAPAN ADALAH BERASAS DAN BERTERASKAN KEPADA KEMAJUAN INDUSTRI DAN PERKHIDMATAN BERTEKNOLOGI TINGGI.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DALAM PERSIDANGAN INI MAMPU MEMBERIKAN IDEA BUKAN SAHAJA KEPADA PESERTA MALAHAN KEPADA SEKTOR INDUSTRI BAGI MENGHASILKAN PRODUK YANG LEBIH KREATIF DAN INOVATIF. AHLI AKADEMIK DAN PENGAMAL INDUSTRI YANG DIPERTEMUKAN DALAM PERSIDANGAN INI DIHARAPKAN DAPAT MEMBENTUK JALINAN KERJASAMA DAN BERGABUNG TENAGA KEPAKARAN DAN KEMUDAHAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KUALITI DALAM PEMBANGUNAN SEKTOR PERINDUSTRIAN KHASNYA DAN MASYARAKAT SEJAGAT UMUMNYA. OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH SANGAT RELEVAN UTeM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL BERFOKUS MENJADI RAKAN GANDING INDUSTRI MENGANJURKAN PERSIDANGAN INI BAGI MENGEMBANGKAN ILMU DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN ICT YANG BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI INI.

5. PENERBITAN ILMIAH MELALUI JURNAL DAN PROSIDING SEMINAR MERUPAKAN SUMBANGAN PENTING BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN KEPADA MASYARAKAT

PENYELIDIK, NEGARA DAN ANTARABANGSA. INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DAN INSTITUSI PENYELIDIKAN BERTANGGUNGJAWAB MENYEBARKAN HASIL PENYELIDIKAN UNTUK PEMBANGUNAN ILMU DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT. KEKUATAN PENERBITAN ILMIAH MERUPAKAN INDIKATOR YANG MEMPAMERKAN IMPAK KUALITI PENYELIDIKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BAGI SELURUH DUNIA.

DIHARAPKAN PERSIDANGAN INI DAPAT MENYEDIAKAN MEDIUM KEPADA PARA PENYELIDIK DALAM MENGHASILKAN DAN MENYEDIAKAN PENERBITAN ILMIAH YANG BERKUALITI.

IZINKAN SAYA MENERUSKAN UCAPAN SAYA DALAM BAHASA INGGERIS.

6. LADIES AND GENTLEMAN,

I WOULD LIKE TO WELCOME ALL OF YOU TO “THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING AND ICT (ICEI 2010)”, AND WELCOME TO MELAKA, MALAYSIA. ICEI2010

IS AN INTERNATIONAL CONFERENCE ORGANIZED BY UTEM FOR THE SECOND TIME TO ENHANCE THE RESEARCH AND INNOVATION CULTURE IN THE UNIVERSITY. THIS 3-DAY CONFERENCE IS A PLATFORM FOR ACADEMICIANS AND RESEARCHERS TO SHARE KNOWLEDGE AND IDEA AMONG EACH OTHER AND PROMOTES THEIR RESEARCH INTERNATIONALLY.

7. BESIDE THE PRESENTATION OF RESEARCH OUTCOMES IN CONFERENCES, SCIENTIFIC PUBLICATION IS ANOTHER INDICATOR OF RESEARCH QUALITY OF ANY UNIVERSITY AND IT GIVES PART OF CONTRIBUTION TO THE NATION. ADDITIONALLY, COLLABORATION BETWEEN ACADEMICIANS FROM UNIVERSITIES THROUGH OUT THE WORLD AND SUPPORTS BY INDUSTRIES ARE IMPORTANT TO SPUR RESEARCH, DEVELOPMENT AND COMMERCIALIZATION.

8. I EXPECT THE CONFERENCE WILL BENEFIT NOT ONLY THE ACADEMICIANS BUT IT SPARKS IDEAS FOR INDUSTRIES TO PRODUCE MORE CREATIVE AND INNOVATIVE PRODUCTS.

9. LASTLY, I WOULD LIKE TO THANK ALL THE PARTICIPANTS WHO ARE HERE TONIGHT. ON BEHALF OF ORGANIZING COMMITTEE AND UTeM, MANY THANKS FOR YOUR CONTINUED SUPPORT AND CONTRIBUTION TO THE CONFERENCE.

10. AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN SEKALUNG TAHNIAH DAN PENGHARGAAN KEPADA FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN DAN MENGENDALIKAN "THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING AND ICT (ICEI 2010)". SAYA JUGA BERHARAP PERSIDANGAN DAN PERTEMUAN SINGKAT PARA PESERTA PADA KALI INI DAPAT MENGHASILKAN SESUATU YANG POSITIF DAN DIJADIKAN SEBAGAI PEMANGKIN DALAM MENCAPAI MATLAMAT YANG TELAH KITA TETAPKAN. SEMOGA USAHA-USAHA MURNI INI DAPAT DITERUSKAN DAN DISERTAI OLEH LEBIH RAMAI LAGI PENYELIDIK DIMASA HADAPAN, INSYA-ALLAH.



SELAMAT MAJU JAYA DAN SELAMAT MENJAMU SELERA.  
SEKIAN, TERIMA KASIH.